

PM jamin gaji minimum diteruskan 1 Mei

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KEMAMAN: Kerajaan memberi jaminan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 akan tetap dilaksanakan pada 1 Mei ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pendirian itu kekal sekali gus turut mengesahkan yang kerajaan tidak akan membuat pusingan U berhubung pelaksanaan kadar gaji baharu berkenaan.

Bagaimanapun katanya, perincian lengkap mengenainya akan diumumkan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan tidak lama lagi.

“Walaupun ada cadangan dan rayuan tetapi saya memberi jaminan penetapan gaji minimum pada 1 Mei akan diteruskan.

“Jadi jangan bimbang, kita tidak akan menarik balik atau membuat *u-turn*, cuma perincian mengenainya akan diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia,” katanya ketika berucap dalam majlis penyerahan pampasan kepada bekas pekerja Perwaja Steel Sdn. Bhd. di Pejabat UMNO Kemaman di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan lebih tujuh juta pekerja swasta di negara ini terpaksa berhutang sepanjang hayat dan mengharapkan bantuan kerajaan pada setiap masa kerana tidak mempunyai lebihan wang



SEBAHAGIAN daripada bekas pekerja Perwaja Steel Sdn. Bhd. beratur untuk menerima pampasan di Pejabat UMNO Bahagian Kemaman, Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

untuk menabung sekiranya gaji minimum RM1,500 tidak dilaksanakan mulai 1 Mei ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor berkata, lebih membimbangkan, Malaysia bakal berdepan kesan domino keruntuhan ekonomi sekiranya

kerajaan membuat pusingan U pelaksanaan gaji minimum yang akan turut mengundang impak terhadap pembangunan institusi sosial.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kesemua 709 bekas pekerja Perwaja Steel Sdn. Bhd. akan mendapat pampasan dari-

pada syarikat itu setelah mereka ditamatkan perkhidmatan pada November 2014 akibat kegawatan ekonomi dan menjalankan penyusunan semula operasinya.

Ismail Sabri berkata, kes mereka akhirnya selesai selepas lebih tujuh tahun dibicarakan di mahkamah.